

04 AUG 2001

DR MAHATHIR ANJUR JAMUAN PIALA PERDANA 2001 DI PWTC

KUALA LUMPUR, 4 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berharap kejohanan badminton tahunan anjuran Badan Amal dan Kebajikan Tenaga Isteri Menteri dan Timbalan Menteri (Bakti) dapat diteruskan kerana ia berjaya mengekalkan hubungan baik antara isteri-isteri menteri di peringkat persekutuan dan juga peringkat negeri.

Beliau berkata hubungan baik itu dapat menjalin ikatan rapat antara ahli-ahli Bakti di kedua-dua peringkat.

"Melalui acara seperti ini, ia dapat menjalin hubungan baik dan banyak memberi manfaat kepada hubungan baik antara isteri-isteri menteri di peringkat persekutuan dan negeri," katanya pada majlis makan malam yang dianjurkan beliau sempena kejohanan badminton Piala Perdana 2001 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini malam ini.

Kejohanan itu disertai ahli Bakti dan persatuan isteri menteri besar, exco dan wakil rakyat negeri-negeri.

Presiden Bakti Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali turut hadir pada majlis itu.

Dr Mahathir dijangka menyampaikan hadiah pada pertandingan akhir dan majlis penutup kejohanan tersebut di Stadium Badminton Kuala Lumpur, Cheras di sini esok.

-- BERNAMA

DC KHY LAT